

UNTUK SIARAN SEGERA

Dingin. Eco. Bersama

Penyaman udara baru memberi keselesaan menyeluruh di tempat kediaman menerusi gabungan teknologi terbaik daripada Panasonic.

Petaling Jaya, 10 Disember 2014 – Panasonic Malaysia melancarkan 21 model baru penyaman udara dengan fungsi mantap untuk memberi keselesaan menyeluruh di tempat kediaman. Dengan ciri Baru, **iAutoX** yang menggunakan teknologi pendinginan cepat, ia membolehkan pemampat beroperasi dengan cepat pada frekuensi maksimum untuk mencapai prestasi optimum. Penyaman udara terbaru yang menggabungkan ciri ini serta dilengkapi dengan teknologi Panasonic yang lain seperti **Econavi**, **Inverter** dan **nanoe-G**, dapat meningkatkan kesejukan di samping menjimatkan tenaga sehingga 65%.

“Ia adalah penting bagi Panasonic untuk memberi kuasa penyejukan yang berkesan dan kuasa pendinginan yang cepat untuk negara tropika seperti Malaysia. Pada masa kini, penekanan diberi untuk persekitaran yang bersih dan selesa,” kata Pengarah Urusan Panasonic Malaysia Yosuke Matsunaga.

“Sesudah mengenal pasti keperluan untuk sistem pendinginan yang dapat menjamin persekitaran yang bersih selain daripada kos efektif, penyaman udara kami direka untuk memberi lebih penjimatan tenaga tanpa mengabaikan keselesaan di tempat kediaman,” kata Matsunaga.

Model penyaman udara ini dikategorikan dalam tiga siri:

1. Siri Premium Inverter Deluxe – 6 model
2. Siri Deluxe Non Inverter – 5 model
3. Siri Standard Non Inverter – 10 model

Pelancaran kali ini akan menumpukan pada Siri Premium Inverter Deluxe. Antara ciri-cirinya termasuklah:

1. Econavi & Inverter

Penjimatan tenaga maksimum dengan ECONAVI Intelligent Eco Sensors yang dapat mengesan kedudukan dan pergerakan manusia, intensiti cahaya matahari, dan seterusnya menghantar maklumat kepada Inverter yang berfungsi pada kelajuan berbeza untuk mengoptimumkan sistem penyejukan. Kombinasi ECONAVI & Inverter dapat menjimatkan tenaga sehingga 65%.

2. iAuto-X

Ciri ini membolehkan pengguna menikmati prestasi pendinginan kuat dan cepat seurus selepas penyaman udara dibuka. Ciri Panasonic Thermal Enhancement Technology (P-TECh) membolehkan pemampat mencapai frekuensi maksimum dengan cepat sebaik sahaja ia dibuka.

3. Aerowings

Aerowings Twin Flaps (Inner dan Outer Flap) adalah ciri terbaru di mana Twin Flaps memastikan aliran udara ke arah tuju pengguna, supaya sejuk dengan lebih cepat. Apabila suhu yang diselaraskan terlebih dahulu sudah dicapai, Aerowings yang kedua akan menghalakan aliran udara ke arah siling secara automatik. Ciri ini dapat membantu udara sejuk mengalir di seluruh rumah.

4. nanoe-G

Penyaman udara Panasonic dilengkapi dengan sistem penapisan udara nanoe-G. Nanoe-G mengeluarkan 3 trillion ion negatif untuk menon-aktifkan bakteria dan menghilangkan bau busuk di udara dan permukaan.

5. R410A

Bermula 1 Julai 2015, semua manufaktur penyaman udara di Malaysia akan menghentikan pengeluaran produk yang mengandungi HCFC, termasuk R22, yang sering digunakan oleh kebanyakan manufaktur. Seiring dengan regulasi ini, Panasonic akan menggantikannya dengan bahan penyejuk R104A yang mesra alam.

“Siri Premium Inverter Deluxe dikategorikan dalam penarafan produk 5-bintang atas prestasi tinggi kerana penggunaan tenaga dengan cekap, oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia. Ini memantapkan komitmen kami untuk memberi penyaman udara berkualiti tinggi yang dapat menyelaraskan sistem penyejukan dan menjimatkan tenaga dengan efisien,” kata Matsunaga.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di www.pmpressroom.com

Media Contact: Mazlee Mokhtar
Senior Executive, Corporate Communications & Branding
Marketing Innovation Department
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com